

KERATAN: Utusan Borneo

TARIKH: 22/04/2012

SAB-A0540/12

M/S: (B7)

UR 22/4/12 (B7)

# Meriahkan sambutan 'Bulan Penulis Negeri Sabah 2012'



Oleh **JASNI MATLANI**

jasni\_matlani@hotmail.com

**P**ADA penghujung tahun lalu, selepas membaca satu berita tentang *Writers Week* yang dianjurkan kerajaan Singapura setiap tahun di negara itu, dengan pelbagai program penulisan sepanjang minggu yang dihadiri ramai penulis ternama di dunia, saya tiba-tiba hendak menganjurkan Bulan Penulis Negeri Sabah pada tahun 2012 ini.

Program *Writers Week* di Singapura itu, adalah sebuah program yang sangat besar dan disokong kuat oleh kerajaan Singapura yang memahami peranannya sama ada dari segi ekonomi, kepentingan ilmu, budaya dan kepentingan politik serantau. Program *Writers Week* itu juga dirangka sedemikian rupa, dengan tujuannya menjadikan Singapura sebagai pusat penulis, pulau keilmuan dan budaya serantau, sehingga pelancong yang datang ke Alam Melayu tidak perlu lagi ke Malaysia, ke Indonesia dan beberapa negara lain di gugusan Alam Melayu, sebaliknya mereka hanya perlu ke Singapura, kerana semuanya boleh dilihat dan ditunjukkan oleh para penulis dan budayawan di Singapura.

Ketika itulah saya terfikir, kenapa kita tidak menganjurkan program sedemikian di Sabah, dengan tunjangan kerajaan negeri dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar misalnya. Kenapa kita tidak terfikir hendak menjadikan negeri Sabah sebagai perkampungan penulis, pusat ilmu dan budaya serantau sehingga para pelancong hanya perlu datang ke Sabah untuk melihat budaya seluruh bangsa Malaysia misalnya, budaya yang ada di Sarawak, Melaka, Kedah, Pulau Pinang dan sebagainya, tanpa perlu ke negeri-negeri berkenaan.

Alangkah elok juga jika pelancong yang berkeliaran di wilayah Nusantara ini, tidak perlu pergike Indonesia, Filipina, Negara Brunei Darussalam misalnya, kerana semua budaya yang terdapat di negara itu boleh dilihat, dikaji dan diketahui di negeri Sabah. Justeru itu, mesti ada bulan penulis untuk memperkukuhkan lagi elemen budaya ini melalui sumber penulisannya. Begitu juga sepatutnya kita ada bulan budaya di mana sepanjang bulan

itu budaya merentas negeri dan merentas sempadan negara itu boleh dilihat atau dipertontonkan di negeri Sabah.

Justeru, kalau kita dapat melakukannya, saya fikir kita bukan sahaja dapat meningkatkan kehadiran pelancong asing sekadar dua atau tiga juta orang setahun, tetapi lebih daripada itu. Negeri Sabah akan menjadi lubuk pelancongan yang terkemuka di rantau ini dan seterusnya menjadi sumber kekayaan baharu bagi negeri Sabah.

Bulan penulis yang saya cetuskan itu sebenarnya, insy-Allah bakal menjadikan negeri Sabah sebagai pusat penulis terkemuka di rantau ini. Selain daripada itu, ia juga bakal menggalakkan masyarakat dan rakyat negeri Sabah sendiri terlibat dalam bidang penulisan, aktif menghasilkan buku dan menggiatkan industri penerbitan yang agak lembab selama ini di negeri Sabah.

Saya juga membayangkan negeri Sabah, bakal menyediakan segala kemudahan, termasuk dana yang besar, wadah dan tempat berkarya kepada mana-mana penulis negeri Sabah, atau Malaysia atau penulis-penulis terkemuka di dunia untuk datang ke Sabah bagi selama tempoh bulan penulis itu, dan mereka ini menulis apa sahaja tentang negeri Sabah, sama ada dalam bentuk kreatif atau non kreatif. Buku yang dihasilkan itu sudah pasti membantu mempromosi negeri Sabah di mata dunia dan pada masa yang sama menambah khazanah ilmu negeri Sabah.

Justeru, saya fikir betapa eloknya jika negeri Sabah melakukan perkara ini dan bukan Singapura. Malah di Singapura, saya difahamkan oleh seorang penulis berasal dari Singapura yang membentangkan kertas kerja bersama-sama saya dalam sebuah seminar persuratan di Kedah baru-baru ini, bahawa Writers Week itu adalah satu program besar beragenda di

Singapura, dengan dana yang cukup besar, mencecah jutaan dolar, diberikan oleh kerajaan Singapura bagi tujuan kononnya untuk menjadikan Singapura sebagai pusat tamadun Melayu, malah menjadi pusat Melayu terkemuka di rantau Melayu, ketika negeri-negeri Melayu sendiri tidak mengendahnya.

Dalam fikiran saya ketika itu, eloklah kita memulakan untuk menganjurkan Bulan Penulis Negeri Sabah ini walau apa pun cabarannya. Tidak mengapa jika ia bermula pada skala kecil dan sederhana, tetapi yang penting kita telah merintis penganjurannya. Jadi dengan komitmen jitu dan kemahuan yang kuat saya bersama rakan-rakan dalam Bahasa akhirnya mengambil langkah menganjurkan juga Bulan Penulis Negeri Sabah yang akan diadakan sepanjang bulan Mei ini.

Kita juga memohon kerjasama daripada Dewan Bahasa dan

Pustaka Cawangan Sabah, dan beberapa agensi kerajaan lain dan Alhamdulillah, nampaknya mereka juga memberikan reaksi positif, sangat mengalu-alukan penganjuannya, seterusnya membantu sedaya upaya dan apa yang termampu.

Justeru, ditengah-tengah semua kekangan itulah, kami nekad menganjurkannya. Bersama-sama Cikgu Ramli Jusoh, dan beberapa rakan lain dalam Bahasa, seperti Siti Rahmah G. Ibrahim, Jair Sulai, Amini Gawis, Dayangku Mastura Pg. Ismail, Sofia Talib, Irnanis, Ramlah Rashid, Ruhaini Matderin, Nurhana dan ramai lagi, buat pertama kalinya merangka penganjurannya beberapa minggu lalu.

Pelbagai program insyallah, bakal diadakan sepanjang bulan penulis negeri Sabah yang pertama ini di Kota Kinabalu dan beberapa daerah terpilih di negeri Sabah sebagai langkah permulaan, seperti Bicara Buku tempatan dan antarabangsa sama ada di cafe atau tempat tertentu, program bersama

“ Negeri Sabah, saya yakin sudah pasti bakal menjadi popular kerana sambutan bulan Penulis Negeri Sabah itu. Malah sekali lagi saya mengulangi, bulan penulis itu bakal menjadi satu tarikan baru pelancongan di negeri Sabah dan akan dimasukkan dalam kalender pelancongan negeri Sabah. Kita boleh memikirkan program yang terancang sepanjang bulan. Tetapi tentulah itu tidak semudah yang kita fikirkan, jika tidak mendapat sokongan pelbagai pihak, terutama pihak kerajaan, agensi kerajaan, badan NGO lain dan seluruh rakyat negeri Sabah. ”

penulis, program pertandingan menulis karya kreatif peringkat sekolah dan juga kategori awam yang diadakan sepanjang bulan. Program motivasi penulis, bicara tokoh, seminar dan bengkel penulisan kreatif dan macam-macam lagi dianjurkan sepanjang bulan Mei ini.

Saya juga memikirkan pada program sambutan Bulan Penulis Negeri Sabah ini, ada program acara baca puisi, pameran atau jualan buku, program bertemu penulis yang diadakan di Pasar Mingguan Jalan Gaya Kota Kinabalu atau di sekolah-sekolah dan juga institusi pengajian tinggi. Pendek kata kegiatan penulisan diadakan dari jalanan hingga ke hotel-hotel lima bintang. Kegiatan sastera dan penulisan diadakan dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Kegiatan sastera dan penulisan meriah bukan sahaja di bandar, tetapi juga di pekan kecil dan kampung-kampung yang jauh.

Itulah yang berbau dalam minda saya apabila memikirkan hendak menganjurkan Bulan Penulis Negeri Sabah itu. Saya juga sedang membayangkan ketika itu negeri Sabah akan menjadi tumpuan penulis dari seluruh dunia, sama ada hendak merasakan kemeriahan Bulan Penulis Negeri Sabah, atau untuk turut serta menyertai kegiatan penulis yang diadakan sepanjang bulan penulis itu.

Negeri Sabah, saya yakin sudah pasti bakal menjadi popular kerana sambutan bulan Penulis Negeri Sabah itu. Malah sekali lagi saya mengulangi, bulan penulis itu bakal menjadi satu tarikan baru pelancongan di negeri Sabah dan akan dimasukkan dalam kalender pelancongan negeri Sabah. Kita boleh memikirkan program yang terancang sepanjang bulan. Tetapi tentulah itu tidak semudah yang kita fikirkan, jika tidak mendapat sokongan pelbagai pihak, terutama pihak kerajaan, agensi kerajaan, badan NGO lain dan seluruh rakyat negeri Sabah.

Justeru, saya mengajak seluruh masyarakat di negeri Sabah, marilah kita bersama-sama memeriahkan sambutan Bulan penulis Negeri Sabah 2012, yang bertemakan ‘Penulis Pencetus Minda Rakyat’ ini. Saya juga memohon kerajaan negeri melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan agar membuka mata dan minda, seterusnya memberikan dana yang besar bagi melaksanakan program hebat ini sama ada pada tahun ini dan pada masa akan datang. Kita mesti berwawasan jauh demi untuk negeri dan bangsa kita yang tercinta ini.